

01/05/1998

Draf pindaan Akta Alam Sekitar siap

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Draf pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar membabitkan kenaikan kadar denda maksimum bagi kesalahan pembakaran terbuka dan penjara mandatori, sudah siap dan akan dibentangkan di Kabinet minggu depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata pejabat Peguam Negara meluluskan draf pindaan itu semalam dan ia dikemas kini oleh pegawai kementeriannya pagi ini. Draf itu kemudiannya akan dihantar ke semua kementerian dan agensi kerajaan terbabit untuk maklum balas, yang perlu diberi kepada kementerian terbabit dalam tempoh dua hari.

"Jika semua berjalan lancar dan maklum balas positif diterima daripada semua pihak terbabit, draf itu akan dibentangkan di Kabinet untuk kelulusan minggu depan," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu beliau menyaksikan majlis penyerahan alat pengesan satelit untuk program pemindahan gajah sumbangan Boh Plantations Sdn Bhd. Turut hadir Ketua Pengarah Perhilitan, Musa Nordin; dan Pengarah Eksekutif Boh Plantations, Caroline Russell.

Minggu lalu, Berita Harian melaporkan Akta Kualiti Alam Sekitar dipinda untuk menaikkan kadar denda maksimum bagi kesalahan pembakaran terbuka daripada RM100,000 pada masa ini kepada sekurang-kurangnya RM500,000.

Ketika ini, Peraturan Udara Bersih hanya mengenakan denda maksimum RM100,000; atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali terhadap individu, pemilik tanah atau syarikat jika sabit kesalahan.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu hukuman berat dikenakan terhadap pesalah yang melakukan pembakaran terbuka. Hukuman berat itu termasuk penjara mandatori dan denda yang lebih tinggi.

Pertambahan kadar denda maksimum itu bertujuan sebagai amaran dan penghalang terhadap mereka yang melakukan kegiatan pembakaran terbuka di negara ini sewenang-wenangnya.

Law berkata, Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF) baru-baru ini meluluskan peruntukan AS\$800,000 (RM3.01 juta) untuk menangani masalah kebakaran hutan di rantau ini.

"Wang itu akan diuruskan oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) dan Malaysia akan memohon dana tambahan daripada badan berkenaan untuk program peringkat domestik," katanya.

Terdahulu, ketika melancarkan program pengesanan gajah menerusi satelit, beliau berkata sejak 1990, Perhilitan mengenal pasti kewujudan 113 kumpulan membabitkan kira-kira 1,200 ekor gajah.

Kolar pengesanan satelit berharga RM60,000 itu akan dipasang pada seekor gajah di kawasan berhampiran Bandar Muadzam Shah, Pahang untuk memastikan bentuk pergerakan kumpulan gajah berkenaan pada setiap masa.

(END)